

01/09/1998

Patriotisme benteng ketahanan rakyat

PERAYAAN Hari Kemerdekaan ke-41 di seluruh negara semalam berjaya meningkatkan semangat patriotisme rakyat semua kaum, terutama dalam perjuangan menghadapi isu penjajahan bentuk baru anasir luar.

Bagi golongan yang pernah hidup di bawah pemerintahan penjajah, semangat patriotisme lebih mudah dihayati kerana mereka merasai asam garam dan keazaban hidup dibelenggu dan ditindas penjajah. Semangat patriotisme terus hidup subur dalam jiwa mereka. Untuk selama-lamanya mereka bertekad tidak akan membenarkan kuasa asing mencampuri hal ehwal dalam negara ini menerusi apa bentuk sekalipun.

Bagi generasi baru, terutama mereka yang lahir selepas negara merdeka pada 1957, semangat patriotisme, mungkin jauh dari lubuk hati mereka. Semangat patriotisme mungkin terlalu asing kerana kehadiran mereka di bumi Malaysia ini disajikan dengan segala keperluan, kemudahan dan kemewahan. Persoalan bagaimana segala-galanya sudah tersedia, jarang mereka fikirkan. Hakikatnya, tanpa perjuangan generasi sebelumnya dengan semangat patriotisme yang kental, negara ini mungkin masih ditadbir oleh orang asing. Namun, sejak 41 tahun lalu, selepas negara diisytiharkan bebas daripada cengkaman penjajah, rakyat sendiri menguruskan negara, malah kejayaan yang dicapai setakat ini di luar jangkauan pemikiran orang asing. Sekurang-kurangnya dalam menghadapi kemelut ekonomi yang berpunca daripada percubaan penjajahan bentuk baru ini, generasi muda hari ini dapat menjiwai semangat juang untuk membebaskan negara daripada ancaman luar. Dengki khianat orang luar terhadap negara ini perlu ditentang habis-habisan.

Selepas Malaysia mencipta nama dan maju dalam pelbagai bidang, tidak ada sebab rakyat harus mengalah walaupun terpaksa berjuang hingga ke saat akhir. Bermula dengan mengucur-kacirkan pasaran kewangan dan pasaran saham, anasir luar ini dengan menggunakan beberapa agensi mereka termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) cuba menawarkan masalah. Negara bernasib baik kerana kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tertarik dengan janji manis mereka kerana sedar matlamat IMF adalah untuk menjajah negara ini apabila terpaksa akur terhadap peraturan yang mereka tetapkan.

Dengan memupuk semangat kesetiaan dan kasih kepada negara, generasi muda hari ini mampu menghayati erti patriotisme. Untuk memupuk semangat patriotisme, tidak perlu menggunakan senjata dan bertempur di medan perang. Dengan memberi sokongan padu kepada kerajaan untuk menghadapi setiap serangan asing, sudah cukup membuktikan setiap rakyat menghayati semangat patriotisme tulen. Kegawatan ekonomi yang dicetuskan orang asing gagal mencorakkan sentimen negatif rakyat sebaliknya memberi keyakinan untuk bersama-sama menghadapi segala cabaran.

Perayaan meriah hari kebangsaan seperti ini mustahil diadakan di negara yang menghadapi masalah dan kestabilan ekonomi serta politiknya terganggu. Tetapi, di Malaysia sokongan tidak berbelah-bagi yang ditunjukkan rakyat memberi semangat baru kepada kerajaan untuk menentang sebarang percubaan yang bertujuan menjejaskan kemakmuran, keharmonian, dan kerukunan hidup masyarakat Malaysia.

Jika ada pihak asing meramalkan Malaysia akan tersungkur mengikut jejak langkah beberapa negara lain akibat kegawatan ekonomi, ia adalah ramalan yang berlandaskan motif jahat. Mereka boleh melihat sendiri bagaimana pelbagai acara perayaan hari kebangsaan diadakan di seluruh negeri tanpa

sebarang peristiwa yang boleh diistilahkan sebagai boleh mengancam keselamatan negara.

Walaupun kegawatan ekonomi meletakkan kerajaan dalam keadaan yang agak parah, namun dengan pelbagai strategi yang dijalankan, kerajaan memastikan kesan buruk tidak dibenarkan menjalar hingga menjejaskan kehidupan rakyat, terutama yang berpendapatan rendah, apatah lagi rakyat miskin. Memang diakui dalam mengharungi zaman sukar ini, kerajaan terpaksa mengadakan kawalan perbelanjaan yang ketat, tetapi bantuan kepada rakyat tidak ditarik sewenang-wenangnya. Memang ada syarikat yang rugi, bank mengawal pengaliran wang, pembuangan pekerja berlaku di sektor pembuatan, pemotongan gaji dikenakan di sektor awam dan swasta dan pelbagai langkah membendung peningkatan kadar inflasi diadakan, tetapi semua ini berlaku dalam keadaan yang terkawal.

Sekarang ini pun beberapa sekatan yang dikenakan sebelum ini dilonggarkan semula dengan matlamat untuk menggerakkan semula ekonomi. Rakyat faham, apa saja yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk mengelakkan tekanan ekonomi yang berterusan. Dengan pemahaman ini, kerajaan tidak perlu gusar bertindak melakukan sesuatu yang boleh mengejutkan rakyat.

(END)